

PERSONAL DATA AND PRIVACY NOTICE FOR CUSTOMERS

This Personal Data and Privacy Notice for Customers (“**Notice**”) is issued pursuant to the requirements of the Personal Data Protection Act 2010 and describes how Gas Malaysia Berhad and its respective subsidiaries, affiliated and related entities (collectively, the “**Company**”, “**we**”, “**us**”, “**our**”) processes the Personal Data of our existing and potential customers (collectively, “**Customers**”, “**you**”, “**yours**”). The relevant entity within the Gas Malaysia group with which you are contracting or seeking to contract with is responsible for your Personal Data and acts as the “Data Controller” (or equivalent term) of your Personal Data.

1. Collection of Personal Data

1.1 When you are contracting with or seeking to contract with the Company, such as when you are using or purchasing the Company’s products and/or services, it is necessary for you to provide us with certain data about yourself, or for the Company to collect information about you, from which you are identifiable and that is subject to applicable data protection, privacy, or other similar laws (collectively, “**Personal Data**”) from time to time.

1.2 Generally, we collect your Personal Data in the following ways:

- (a) when you use or purchase any of our products or services, including our mobile application or e-services portal;
- (b) when you submit forms or contact us about any of our products or services, or submit any online queries;
- (c) when you register for, or establish any, accounts with us (such as a gas account);
- (d) when you interact with any of our customer service officers or any of our employees, for example, via business interactions in events and exhibitions, letters, emails, telephone calls, online forms, SMS, Internet messaging applications (e.g., WhatsApp, Telegram, LINE, iMessage, WeChat), and social media platforms;
- (e) when you respond to any of our promotions, initiatives, or market surveys, or when you request that we contact you;
- (f) from our business partners, vendors, suppliers, and other third parties, for example, when we receive references from them; or
- (g) when you submit your Personal Data to us for any other reason.

1.3 We usually collect, use, disclose or otherwise process your Personal Data in accordance with this Notice with your consent, or in compliance with applicable laws, such as where:

- (a) it is required for us to comply with legal requirements; or

(b) it is required for us to enter into or perform a contract with you.

2. Nature of Personal Data

The Personal Data we process about you may include, among others, the following categories of information:

- (a) personal identification details – such as your full name, identity card number, passport number, image, address, or photograph;
- (b) contact details – such as your telephone number, email address, and mailing address;
- (c) employment or company-related information – such as the name of your employer or company, and your designation within the company;
- (d) payment-related information – such as your bank account details and credit or debit card information; and
- (e) any other information provided by you or collected by the Company in connection with your commercial relationship with the Company, and your use of or interaction with the Company's products or services.

3. Sensitive Personal Data

Some of the Personal Data that we collect and process may be sensitive in nature under the Malaysian data protection laws. These include Personal Data pertaining to your religious beliefs, political opinion, criminal records, health data, disability, and biometric data, as applicable. We collect and process sensitive Personal Data only with your explicit consent and/or in strict compliance with applicable laws. In the event that you are required to furnish any documentation or information to us for any Purpose which may contain such sensitive Personal Data (which is not required for that Purpose), you agree to irreversibly redact such sensitive Personal Data before providing such documentation or information to us.

4. How you provide Personal Data of other individuals to us

In some situations, you may provide Personal Data of other individuals (such as your spouse, family members or friends) to us. For example, you may add them as your emergency contact, when you input their Personal Data into any application form, or when you add them as recipients or beneficiaries. If you provide us with their Personal Data, you represent and warrant that you have obtained their prior consent for their Personal Data to be collected, used, processed and disclosed as set out in this Notice. Please ensure that this Privacy Notice is brought to the attention of any such third party.

5. Impact resulting from failure to supply Personal Data

In general, the provision of your Personal Data for the purposes of using or obtaining the Company's products and services is mandatory. A failure to supply your Personal Data may result in the Company being unable to offer or deliver the relevant products or services to you, and may result in a delay or the cancellation of our services or agreements. If you do not provide us with your Personal Data, we may also be unable to issue invoices to you, which could result in a breach of your payment obligations. However, where we ask for your Personal Data for communication and marketing purposes, the provision of your Personal Data to us for such purposes is voluntary.

6. Purposes for Processing of Personal Data

6.1 The Personal Data you provide will be collected, used and otherwise processed by the Company for the following purposes ("**Purpose**"):

- (a) processing your request for the purchase of the Company's products and/or services, including for negotiation and submission of proposals;
- (b) facilitating the provision and delivery of the Company's products and/or services to you or the company you represent;
- (c) enforcing and carrying out our contractual and legal rights and obligations, including in respect of any contract entered into with you;
- (d) conducting due diligence checks;
- (e) in connection with a corporate transaction, such as a sale of a subsidiary or a division, merger, acquisition, consolidation, asset sale, or in the event of a winding-up;
- (f) issuing invoices to you or your company and processing payments;
- (g) establishing and maintaining a database of potential and existing customers;
- (h) processing your request to register or establish an account with us, including a gas account, and to maintain the account;
- (i) collecting technical and commercial information for specific projects related to the Company's business;
- (j) providing customer support, responding to your inquiries, assisting with complaints, and communicating updates or other relevant information to you upon your request;
- (k) when you call our customer service hotline, we may record such calls for quality assurance purposes, to verify claims, detect and investigate issues such as dissatisfaction or complaints regarding our services, and train our employees;
- (l) providing you with information on our products and services which may be of interest to you, including via newsletters, updates, emails, promotional materials, and mail;

- (m) handle any disputes and to facilitate any investigations and proceedings;
- (n) conducting market research or surveys, and to help us enhance our products and services;
- (o) regulatory and internal audit compliance purposes;
- (p) responding to any law enforcement request or court order
- (q) facilitating business communications with you, including for the purpose of arranging meetings (physical or online); and
- (r) extending invitations to you or your company to the events and networking programmes organised by the Company or in connection with the Company's business or projects.

6.2 In respect of marketing, we may use your Personal Data to send you marketing communications relating to services (that may be of interest or relevance based on your profile). For example, we may:

- (a) send you alerts, newsletters, updates, mailers, promotional materials, special privileges, festive greetings (where applicable); and
- (b) notify, invite and manage your participation in our events or activities.

We may communicate such marketing to you by various means such as SMS, Internet messaging applications (e.g., WhatsApp, LINE, WeChat, Telegram, iMessage), telephone calls or emails (where applicable). If you wish to unsubscribe to the receiving of such marketing communications, please click on the unsubscribe link in the relevant email or message. Please note that while you may opt out of marketing or promotion communications, we may still send you account and/or service-related messages.

7. Disclosure of Personal Data

7.1 Personal Data provided to the Company for the Purpose outlined in this Notice will generally be kept confidential but you hereby consent and authorize us to provide or disclose your Personal Data for the Purpose stated above to the following persons:

- (a) entities within our group of companies, including all related companies, subsidiaries, holding companies and associated companies, as well as our shareholders, whether within or outside the country;
- (b) any person to whom the Company is compelled or required to do so under law or in response to a competent or government agency, law enforcement authority, or other statutory authority;
- (c) any person where public interest or our interests require disclosure;
- (d) our professional advisors, such as legal advisors, auditors, financial advisors, and consultants;

- (e) any agent or third party service provider that provides administrative, telecommunications, or other services to the Company in connection with its business, such as event management companies, event sponsors, cloud storage providers, and document storage and management providers; and
- (f) such sub-contractors or third party service or product providers as the company may determine to be necessary or appropriate.

7.2 In furtherance to the above, we may share your Personal Data with other parties, in connection with any acquisitions, sales, mergers, joint ventures, consolidation, restructuring, financing or any other type of business transactions (where applicable).

8. Safeguards

8.1 We shall endeavour to implement appropriate administrative and security safeguards and procedures in accordance with the applicable laws and regulations to prevent the unauthorized or unlawful processing of your Personal Data and the accidental loss or destruction of, or damage to, your Personal Data.

8.2 Nevertheless, please understand that the transmission of information via the internet is not completely secure. Although we will do our best to protect your Personal Data, we cannot guarantee the security of your Personal Data transmitted through any online means, therefore, any transmission remains at your own risk.

9. Retention Period

9.1 We process and retain your Personal Data only for as long as necessary to fulfil the Purpose outlined in this Notice, and thereafter for as long as we are required and allowed to do so under applicable laws and regulations as well as our internal policies.

9.2 Once your Personal Data is no longer required for the Purpose outlined in this Notice, the relevant legal requirements or our internal policies, or where we no longer have a legal basis for retaining your Personal Data, we will take reasonable steps to permanently erase, delete, destruct, destroy, or irreversibly anonymise such Personal Data, in accordance with the requirements of applicable laws.

10. Data Transfer and Sharing

Where we consider it necessary or appropriate for the purposes of data storage or processing, or where necessary for the performance of our contractual obligations, we may transfer your Personal Data to third party service/product

providers or the Company's shareholders whether within or outside the country under conditions of confidentiality and sufficient levels of security safeguards in relation to the processing of Personal Data. Such transfers of data will only be permitted to be carried out provided that the same is permitted by law and where the Company is satisfied that there are sufficient standards to protect the integrity and confidentiality of such data.

11. Your Rights of Access and Correction

11.1 You have the right in relation to your Personal Data which is held by the Company and you may be entitled to:

- (a) check whether the Company holds or uses your Personal Data and request access to such data;
- (b) request that the Company correct any of your Personal Data that is inaccurate, incomplete, misleading, or out-of-date;
- (c) request that the Company limit the processing of your Personal Data in certain circumstances within our possession or control (if the legal basis for such processing is based on your consent);
- (d) withdraw, in full or in part, your consent to our processing of your Personal Data; and
- (e) request that the Company delete any of your Personal Data that is obsolete,

in each case subject to any applicable legal restrictions, contractual conditions and a reasonable time period. In relation to paragraph 11.1(d) above, please note that notwithstanding the withdrawal of your consent, the Company may still proceed to process your personal data in circumstances recognized and permitted by law.

11.2 Please take note that we will screen and verify all requests. In order to verify your authority to make the request, we may require you to provide supporting information or documentation to corroborate the request. Once verified, we will give effect to your request within the timelines prescribed by applicable laws.

11.3 Please note that where you choose to limit or withdraw your consent to the processing of your Personal Data, this may affect the Company's ability to offer or deliver the relevant products or services to you, or to otherwise perform our contractual obligations to you.

11.4 You may submit written requests for access to Personal Data, correction or deletion of Personal Data, for limiting the processing of your personal data, and/or for making any inquiries or complaints regarding your Personal Data, to our Data Protection Officer with the contact information set forth below:

Position:	Data Protection Officer
Business Telephone:	03-5101 3000
Business Email Address:	DPO-GMB@gasmalaysia.com
Business Address	No.5, Jalan Serendah 26/17, Seksyen 26, 40732 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

In addition to the above, if you are contracting or seeking to contract with, or otherwise communicating with, any of our following subsidiaries, the relevant email addresses to contact our Data Protection Officer are as set out below:

Entity	Email Address
Gas Malaysia Retail Services Sdn Bhd	DPO- GMRS@gasmalaysia.com

12. Changes to the Notice

The Company has the right to modify, update or amend the terms of this Notice at any time. It is your responsibility to review the Notice regularly. By continuing to communicate or engage with us, or by your continued use of our products or services following the modifications, updates or amendments to this Notice, whether or not reviewed by you, such actions shall signify and constitute your acceptance of and agreement to such modifications, updates or amendments.

13. Language of the Notice

In the event of conflict between the English and Malay version of this Notice, the English version shall prevail.

NOTIS DATA PERIBADI DAN PRIVASI BAGI PELANGGAN

Notis Data Peribadi dan Privasi bagi Pelanggan ini ("**Notis**") diterbitkan menurut keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan menerangkan bagaimana Gas Malaysia Berhad serta anak-anak syarikat, entiti gabungan dan berkaitan Gas Malaysia Berhad (secara kolektif, "**Syarikat**", "**kami**", "**kita**", atau "**milik kami**") memproses Data Peribadi pelanggan kami yang sedia ada atau berpotensi (secara kolektif, "**Pelanggan**", "**anda**", "**milik anda**"). Entiti dalam kumpulan Gas Malaysia yang mana anda terikat kontrak atau sedang berusaha untuk mengikat kontrak adalah bertanggungjawab terhadap Data Peribadi anda dan bertindak sebagai "Pengawal Data" (atau terma yang setara) bagi Data Peribadi anda.

1. Pengumpulan Data Peribadi

- 1.1 Apabila anda berkontrak dengan atau sedang berusaha untuk berkontrak dengan Syarikat, seperti ketika anda menggunakan atau membeli produk dan/atau perkhidmatan Syarikat, anda perlu memberikan kepada kami data mengenai diri anda, atau Syarikat perlu mengumpul maklumat mengenai anda, yang dapat mengenal pasti anda dan yang tertakluk kepada undang-undang perlindungan data, privasi atau undang-undang lain yang berkaitan (secara kolektif, "**Data Peribadi**") dari semasa ke semasa.
- 1.2 Secara amnya, kami mengumpul Data Peribadi anda melalui cara-cara berikut:
 - (a) apabila anda menggunakan atau membeli mana-mana produk atau perkhidmatan kami, termasuk aplikasi mudah alih atau portal e-perkhidmatan kami;
 - (b) apabila anda mengemukakan borang atau menghubungi kami mengenai mana-mana produk atau perkhidmatan kami, atau mengemukakan sebarang pertanyaan dalam talian;
 - (c) apabila anda mendaftar atau membuka sebarang akaun dengan kami (sepertinya akaun gas);
 - (d) apabila anda berinteraksi dengan mana-mana pegawai khidmat pelanggan kami atau mana-mana kakitangan kami, contohnya melalui interaksi perniagaan di acara dan pameran, surat, e-mel, panggilan telefon, borang dalam talian, SMS, aplikasi pemesejan Internet (contohnya WhatsApp, Telegram, LINE, iMessage, WeChat), dan platform media sosial;
 - (e) apabila anda memberi respons kepada mana-mana promosi, inisiatif, atau tinjauan pasaran kami, atau apabila anda meminta supaya kami menghubungi anda;
 - (f) daripada rakan kongsi perniagaan, vendor, pembekal, dan pihak ketiga lain, contohnya apabila kami menerima rujukan daripada mereka; atau
 - (g) apabila anda mengemukakan Data Peribadi anda kepada kami bagi sebarang sebab lain.

- 1.3 Kami biasanya mengumpul, menggunakan, menzahirkan atau sebaliknya memproses Data Peribadi anda selaras dengan Notis ini dengan persetujuan anda, atau dengan mematuhi undang-undang yang terpakai, contohnya apabila:
- (a) adalah diperlukan bagi kami untuk mematuhi keperluan undang-undang; atau
 - (b) adalah diperlukan bagi kami untuk memasuki atau melaksanakan kontrak dengan anda.

2. Jenis Data Peribadi

Data Peribadi yang kami proses mengenai anda mungkin termasuk, antara lain, kategori-kategori maklumat yang berikut:

- (a) butiran pengenalan diri – seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor passport, imej, alamat, atau gambar foto anda;
- (b) butiran hubungan – seperti nombor telefon, alamat e-mel, dan alamat pengeposan anda;
- (c) maklumat pekerjaan atau berkaitan syarikat – seperti nama majikan atau syarikat anda, dan jawatan anda dalam syarikat tersebut;
- (d) maklumat berkaitan pembayaran – seperti butiran akaun bank anda serta maklumat kad kredit atau debit; dan
- (e) sebarang maklumat lain yang diberikan oleh anda atau dikumpul oleh Syarikat berhubung dengan hubungan komersial anda dengan Syarikat, serta penggunaan atau interaksi anda dengan produk atau perkhidmatan Syarikat.

3. Data Peribadi Sensitif

Sebahagian daripada Data Peribadi yang kami kumpul dan proses mungkin bersifat sensitif di bawah undang-undang perlindungan data di Malaysia. Ini termasuk Data Peribadi yang berkaitan dengan kepercayaan agama, pendapat politik, rekod jenayah, data kesihatan, ketidakupayaan dan data biometrik anda, jika berkenaan. Kami hanya akan mengumpul dan memproses Data Peribadi sensitif dengan persetujuan nyata anda dan/atau dalam pematuhan ketat terhadap undang-undang yang terpakai. Sekiranya anda dikehendaki mengemukakan sebarang dokumen atau maklumat kepada kami bagi sebarang Tujuan yang mungkin mengandungi Data Peribadi Sensitif (yang tidak diperlukan untuk Tujuan tersebut), anda bersetuju untuk meluputkan secara kekal Data Peribadi sensitif tersebut sebelum mengemukakan dokumen atau maklumat tersebut kepada kami.

4. Bagaimana anda memberikan Data Peribadi individu lain kepada kami

Dalam beberapa keadaan, anda mungkin memberikan Data Peribadi individu lain (seperti pasangan, ahli keluarga atau rakan anda) kepada kami. Sebagai contoh, anda mungkin melantik mereka sebagai orang hubungan kecemasan anda, apabila anda memasukkan Data Peribadi mereka ke dalam mana-mana borang permohonan, atau apabila anda melantik mereka sebagai penerima atau benefisiari. Sekiranya anda memberikan Data Peribadi mereka kepada kami, anda mengesahkan bahawa anda telah memperolehi persetujuan terdahulu daripada individu tersebut bagi membenarkan Data Peribadi mereka dikumpul, digunakan, diproses dan dizahirkan sebagaimana dinyatakan dalam Notis ini. Sila pastikan Notis Privasi ini dimaklumkan kepada mana-mana pihak ketiga berkenaan.

5. Kesan daripada kegagalan untuk membekalkan Data Peribadi

Secara amnya, pemberian Data Peribadi anda bagi tujuan-tujuan menggunakan atau memperoleh produk dan perkhidmatan Syarikat adalah mandatori. Kegagalan untuk memberikan Data Peribadi tersebut boleh menyebabkan Syarikat tidak berupaya menawarkan atau menyampaikan produk atau perkhidmatan yang berkaitan kepada anda, dan perkara ini mungkin menyebabkan kelewatan atau pembatalan perkhidmatan atau perjanjian kami. Jika anda tidak memberikan Data Peribadi anda kepada kami, kami mungkin juga tidak dapat mengeluarkan invois kepada anda, yang boleh mengakibatkan pelanggaran terhadap obligasi pembayaran anda. Walau bagaimanapun, sekiranya kami meminta Data Peribadi anda bagi tujuan komunikasi dan pemasaran, pemberian Data Peribadi anda kepada kami bagi tujuan tersebut adalah secara sukarela.

6. Tujuan Pemprosesan Data Peribadi

6.1 Data Peribadi yang anda berikan akan dikumpul, diguna dan diproses oleh Syarikat bagi tujuan-tujuan berikut ("**Tujuan**"):

- (a) memproses permintaan anda bagi pembelian produk dan/atau perkhidmatan Syarikat, termasuk bagi rundingan dan penyerahan cadangan;
- (b) memudahkan penyediaan dan penyampaian produk dan/atau perkhidmatan Syarikat kepada anda atau syarikat yang anda wakili;
- (c) menguatkuasakan dan melaksanakan hak serta obligasi kontraktual dan undang-undang kami, termasuk berhubung dengan mana-mana kontrak yang diikat dengan anda;
- (d) menjalankan semakan usaha wajar (*due diligence*);

- (e) berhubung dengan transaksi korporat seperti penjualan anak syarikat atau bahagian, penggabungan, pengambilalihan, penyatuan, penjualan aset, atau dalam hal penggulungan;
- (f) mengeluarkan invois kepada anda atau syarikat anda serta memproses pembayaran;
- (g) menubuhkan dan mengekalkan pangkalan data pelanggan sedia ada dan berpotensi;
- (h) memproses permintaan anda untuk mendaftar atau membuka akaun dengan kami, termasuk akaun gas, serta mengekalkan akaun tersebut;
- (i) mengumpul maklumat teknikal dan komersial bagi projek tertentu yang berkaitan dengan perniagaan Syarikat;
- (j) memberikan sokongan pelanggan, menjawab pertanyaan anda, membantu dengan aduan, serta menyampaikan kemas kini atau maklumat berkaitan lain kepada anda atas permintaan anda;
- (k) apabila anda menghubungi talian khidmat pelanggan kami, panggilan tersebut mungkin dirakam bagi tujuan jaminan kualiti, pengesanan tuntutan, pengesanan dan penyiasatan isu seperti ketidakpuasan hati atau aduan mengenai perkhidmatan kami, serta bagi melatih kakitangan kami;
- (l) memberikan maklumat kepada anda mengenai produk dan perkhidmatan kami yang mana mungkin menarik minat anda, termasuk melalui buletin, kemas kini, e-mel, bahan promosi, dan surat-menyurat;
- (m) menangani sebarang pertikaian serta memudahkan sebarang penyiasatan dan prosiding;
- (n) menjalankan penyelidikan pasaran atau tinjauan dan untuk membantu kami menambah baik produk dan perkhidmatan kami;
- (o) bagi tujuan pematuhan terhadap audit kawal selia dan dalaman;
- (p) memberi respons kepada sebarang permintaan penguatkuasaan undang-undang atau perintah mahkamah
- (q) memudahkan komunikasi perniagaan dengan anda, termasuk bagi tujuan mengatur mesyuarat (secara fizikal atau dalam talian); dan
- (r) menyampaikan jemputan kepada anda atau syarikat anda untuk menghadiri acara serta program perangkaan yang dianjurkan oleh Syarikat atau yang berkaitan dengan perniagaan atau projek Syarikat.

6.2 Bagi tujuan pemasaran, kami mungkin menggunakan Data Peribadi anda untuk menghantar komunikasi pemasaran kepada anda yang berkaitan dengan perkhidmatan (yang mungkin menarik minat anda atau relevan kepada anda berdasarkan profil anda). Sebagai contoh, kami mungkin:

- (a) menghantar makluman, surat berita, laporan kemas kini, risalah, bahan promosi, keistimewaan khas, ucapan perayaan (jika berkenaan); dan
- (b) memaklumkan, menjemput dan mengurus penyertaan anda dalam acara atau aktiviti kami.

Kami mungkin mengkomunikasikan pemasaran sedemikian kepada anda melalui pelbagai saluran seperti SMS, aplikasi pemesejan Internet (contohnya WhatsApp, LINE, WeChat, Telegram, iMessage), panggilan telefon atau e-mel (jika berkenaan). Sekiranya anda tidak mahu menerima komunikasi pemasaran tersebut, sila klik pautan "*unsubscribe*" dalam e-mel atau mesej berkenaan. Sila ambil perhatian bahawa walaupun anda boleh menarik diri daripada komunikasi pemasaran, kami masih boleh menghantar mesej berkaitan akaun dan/atau perkhidmatan kepada anda.

7. Penzahiran Data Peribadi

7.1 Data Peribadi yang diberikan kepada Syarikat bagi Tujuan seperti yang dinyatakan dalam Notis ini lazimnya akan dirahsiakan, namun anda dengan ini memberikan persetujuan dan membenarkan kami untuk menzahirkan Data Peribadi anda bagi Tujuan yang dinyatakan di atas kepada pihak-pihak berikut:

- (a) entiti dalam kumpulan syarikat kami termasuk semua syarikat berkaitan, anak syarikat, syarikat induk dan syarikat gabungan, serta pemegang-pemegang saham kami, sama ada di dalam atau di luar negara;
- (b) mana-mana pihak yang Syarikat dipaksa atau dikehendaki untuk berbuat demikian di bawah undang-undang atau sebagai respons kepada agensi kerajaan, pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang, atau pihak berkuasa statutori yang lain yang kompeten;
- (c) mana-mana pihak apabila kepentingan awam atau kepentingan kami memerlukan penzahiran;
- (d) penasihat profesional kami seperti penasihat undang-undang, juruaudit, penasihat kewangan, dan perunding;
- (e) mana-mana ejen atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, telekomunikasi, atau perkhidmatan lain kepada Syarikat berhubung dengan perniagaannya, seperti syarikat pengurusan acara, penaja acara, penyedia storan awan, serta penyedia perkhidmatan penyimpanan dan pengurusan dokumen; dan
- (f) mana-mana subkontraktor atau penyedia perkhidmatan atau produk pihak ketiga sebagaimana yang ditentukan oleh syarikat sebagai perlu atau wajar.

7.2 Selaras dengan perkara di atas, kami mungkin berkongsi Data Peribadi anda dengan pihak lain berhubung dengan sebarang pengambilalihan, penjualan, penggabungan, usaha sama, penyatuan, penstrukturan semula, pembiayaan, atau apa-apa jenis urusan niaga perniagaan yang lain (jika berkenaan).

8. Pelindung

8.1 Kami akan berusaha untuk melaksanakan pelindung dan prosedur pentadbiran serta keselamatan yang sesuai selaras dengan undang-undang dan peraturan

yang terpakai untuk mencegah sebarang pemprosesan Data Peribadi anda secara tidak sah atau menyalahi undang-undang, serta untuk mengelakkan kehilangan, kemusnahan atau kerosakan secara tidak sengaja terhadap Data Peribadi anda.

- 8.2 Walau bagaimanapun, anda dinasihatkan bahawa penghantaran maklumat melalui internet tidak sepenuhnya selamat. Walaupun kami akan berusaha sedaya upaya untuk melindungi Data Peribadi anda, kami tidak dapat menjamin keselamatan Data Peribadi yang dihantar melalui mana-mana saluran dalam talian. Oleh itu, sebarang penghantaran adalah atas risiko anda sendiri.

9. Tempoh Penyimpanan

- 9.1 Kami memproses dan menyimpan Data Peribadi anda hanya untuk tempoh yang diperlukan bagi memenuhi Tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini, dan seterusnya bagi tempoh yang diperlukan atau dibenarkan untuk berbuat demikian di bawah undang-undang dan peraturan yang terpakai serta polisi dalaman kami.
- 9.2 Setelah Data Peribadi anda tidak lagi diperlukan bagi Tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini, keperluan undang-undang yang berkaitan atau polisi dalaman kami, atau apabila kami tidak lagi mempunyai asas undang-undang bagi menyimpan Data Peribadi anda, kami akan mengambil langkah-langkah munasabah untuk memadam, memusnah, menghapus atau menganonimkan (*anonymise*) Data Peribadi tersebut secara kekal, selaras dengan keperluan undang-undang yang terpakai.

10. Pemindahan dan Perkongsian Data

Sekiranya kami menganggap ia perlu atau sesuai bagi Tujuan, kami mungkin akan memindahkan Data Peribadi anda kepada penyedia perkhidmatan/produk pihak ketiga atau pemegang-pemegang saham Syarikat sama ada di dalam atau di luar negara, di bawah syarat-syarat kerahsiaan dan tahap pelindung keselamatan yang mencukupi berhubung pemprosesan Data Peribadi tersebut. Pemindahan data sedemikian hanya akan dibenarkan sekiranya ia dibenarkan oleh undang-undang, dan setelah Syarikat berpuas hati bahawa piawaian yang mencukupi telah diwujudkan untuk melindungi integriti dan kerahsiaan data tersebut.

11. Hak Akses dan Pembetulan Anda

- 11.1 Anda mempunyai hak berhubung Data Peribadi anda yang mana disimpan oleh Syarikat dan anda berhak untuk:

- (a) menyemak sama ada Syarikat menyimpan atau menggunakan Data Peribadi anda dan meminta akses kepada data tersebut;
- (b) meminta Syarikat membetulkan sebarang Data Peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini;
- (c) meminta Syarikat mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda dalam keadaan tertentu dalam milikan atau kawalan kami (jika asas undang-undang bagi pemprosesan tersebut adalah berdasarkan persetujuan anda);
- (d) menarik balik, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, persetujuan anda terhadap pemprosesan Data Peribadi anda oleh kami; dan
- (e) meminta Syarikat memadam sebarang Data Peribadi anda yang tidak digunakan lagi,

tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang terpakai, syarat-syarat kontrak dan tempoh masa yang munasabah. Berhubung dengan perenggan 11.1(d) di atas, sila ambil perhatian bahawa walaupun anda menarik balik persetujuan anda, Syarikat masih boleh meneruskan pemprosesan data peribadi anda dalam keadaan yang diiktiraf dan dibenarkan oleh undang-undang.

11.2 Sila ambil perhatian bahawa kami akan meneliti dan mengesahkan semua permintaan. Bagi mengesahkan kuasa anda untuk buat permintaan tersebut, kami mungkin memerlukan anda mengemukakan maklumat atau dokumen sokongan untuk mengesahkan permintaan tersebut. Setelah pengesahan dibuat, kami akan melaksanakan permintaan anda dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh undang-undang yang terpakai.

11.3 Sila ambil maklum bahawa sekiranya anda memilih untuk mengehadkan atau menarik balik persetujuan terhadap pemprosesan Data Peribadi anda, ini mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat untuk menawarkan atau menyampaikan produk atau perkhidmatan yang berkaitan kepada anda, atau bagi melaksanakan obligasi kontraktual kami kepada anda.

11.4 Anda boleh mengemukakan permintaan bertulis untuk mendapatkan akses kepada Data Peribadi, membuat pembetulan kepada atau pemadaman Data Peribadi, mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda, dan/atau membuat sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan Data Peribadi anda kepada Pegawai Perlindungan Data kami melalui maklumat hubungan yang dinyatakan di bawah:

Jawatan:	Pegawai Perlindungan Data
Telefon Perniagaan:	03-5101 3000
Alamat E-mel Perniagaan:	DPO-GMB@gasmalaysia.com

Alamat Perniagaan:	No.5, Jalan Serendah 26/17, Seksyen 26, 40732 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
---------------------------	--

Selain daripada maklumat di atas, sekiranya anda berkontrak atau ingin berkontrak, atau berkomunikasi dengan mana-mana anak syarikat kami seperti berikut, alamat e-mel yang berkaitan untuk menghubungi Pegawai Perlindungan Data kami adalah seperti dinyatakan di bawah:

Entiti	Alamat E-mel
Gas Malaysia Retail Services Sdn Bhd	DPO- GMRS@gasmalaysia.com

12. Perubahan kepada Notis

Syarikat berhak untuk mengubah, mengemas kini atau meminda terma-terma Notis ini pada bila-bila masa. Anda bertanggungjawab untuk menyemak Notis ini secara berkala. Dengan meneruskan komunikasi atau berurusan dengan kami atau dengan meneruskan penggunaan produk atau perkhidmatan kami selepas sebarang pindaan, kemas kini atau perubahan terhadap Notis ini, sama ada anda telah menyemaknya atau tidak, tindakan tersebut akan dianggap sebagai penerimaan dan persetujuan anda terhadap pindaan, kemas kini atau perubahan tersebut.

13. Bahasa Notis

Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.